

INTEGRITI

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA • THE MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY



**MASKOT INTEGRITI, SAM
BERSAMA-SAMA MERIAHKAN
FAMILY INTEGRITY WALK**

Berita penuh muka surat 4



CONTENTS / KANDUNGAN



EDITORIAL / EDITORIAL

03 Kemerdekaan sejati

SPECIAL EVENT / PROGRAM KHAS

04 Maskot **INTEGRITI**, SAM bersama-sama meriahkan 'Family **INTEGRITI Walk**'

BREAKFAST TALK / SYARAHAN

06 Integriti belia penting mencorakkan landskap kepimpinan negara masa hadapan

ROUND TABLE DISCUSSION / PERBINCANGAN MEJA BULAT

07 Penerapan nilai-nilai murni dalam kurikulum prasekolah

NEWS / BERITA

08 *Graduates of the first Global Integrity Leadership Course receive their certificates*

09 *Governance Symposium 2016: Driving public-private governance forward*

10 Delegasi **INTEGRITI** adakan kunjungan muhibah ke pejabat Ketua Pengarah KASTAM

FEATURES / RENCANA

11 Sikap hormat-menghormati mampu kekal keamanan

12 Mantapkan Imej Perkhidmatan Awam

13 *Respect is appreciation for others' morality, humanity*

NEW BOOKS IN OUR LIBRARY / BUKU BAHARU PUSAT ILMU INTEGRITI

14 Buku-buku baharu di Pusat Ilmu **INTEGRITI**

GALLERY / GALERI

15 Berita bergambar tentang aktiviti-aktiviti lain di **INTEGRITI**

EDITORIAL TEAM / SIDANG PENGARANG

Advisor

Dr. Anis Yusal Yusoff

Editor

Zubayry Abady Sofian

Staff Writer

Norsheeda Din

Assistant Editors

Nor Azni Ahmad Husairi (Malay)
Aimi Farhana Mohd Amin (English)

Photographers

Rosalizawati Arshad
Izal Ariff Zahrudin

Cover

Aryzam Rahim

Contributors

Nelly Mansin
Hj. Hamilye Sham Harun
Anuar Hj. Ahmad
Rajasegari Krishnan
Mohd Ismail Abdul Jalil
Harisham Ibrahim

Published monthly by

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

KEMERDEKAAN SEJATI

Setiap tahun, tarikh 31 Ogos menjadi hari penting dalam menyatukan hati dan jiwa setiap rakyat Malaysia sama ada yang berada dalam negara mahupun di luar negara dalam menyambut sambutan Hari Kebangsaan negara. Boleh dikatakan, banyak kemajuan yang telah dicapai sepanjang 59 tahun Malaysia merdeka. Tahun 1957 menjadi tarikh lahir baharu bagi Persekutuan Tanah Melayu apabila ia mula mengambil langkah-langkah kecil ke arah membina masa depan yang aman, makmur dan harmoni.

Sesungguhnya, kemerdekaan yang kita nikmati hari ini tidak hadir dengan mudah dan sekelip mata. Sebaliknya, perjalanan yang penuh liku, ranjau yang menuntut pengorbanan jiwa dan nyawa dan harta benda rakyat terpaksa dilalui oleh pemimpin terdahulu.

Cabaran pertama dalam menuntut kemerdekaan telah pun berjaya kita harungi. Itu biarlah menjadi sejarah manis dalam catatan penubuhan Malaysia. Namun cabaran yang sebenar ialah bagaimana kita ingin mengisi kemerdekaan itu. Dalam kes Malaysia, sebuah negara yang berada di tahap “remaja” usianya, sudah semestinyalah asas utama pembentukan negara bangsa Malaysia adalah nilai-nilai bersatu-padu, setia serta integriti tinggi setiap warganya. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab setiap warga Malaysia untuk menghargai kemerdekaan negara, melindungi kedaulatannya, dan menegakkan prinsip-prinsip seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pada masa yang sama, kita mesti sedar, walaupun kita sebuah negara yang merdeka, kita tidak benar-benar bebas daripada pelbagai ancaman sama ada dari dalam mahupun luar negara, yang terus-menerus mengancam untuk menghancurkan keamanan dan keharmonian negara. Beberapa faktor penting dalam memastikan kejayaan pembinaan negara bangsa perlu diberikan perhatian seperti pengukuhan institusi demokrasi, memastikan keadilan sosial, sistem tadbir urus yang telus, perkhidmatan awam berkualiti dan penyediaan sistem pendidikan yang berkualiti. Keharmonian kaum dan agama juga masih diancam oleh tindakan tidak sensitif individu dan kumpulan tertentu yang berniat jahat untuk menafikan hak-hak rakyat Malaysia beragama secara aman mengikut tradisi dan kepercayaan masing-masing.

Kita juga harus sedar bahawa, antara cabaran terbesar kepada inti pati kemerdekaan adalah corak pemikiran

rakyatnya. Walaupun kita, secara fizikalnya Malaysia merupakan sebuah negara telah bebas merdeka namun masih ada, penjajahan mental yang berlaku dalam pemikiran rakyat. Keadaan pemikiran sesat dan menyesatkan, sama ada dalam bentuk imperialisme intelek atau dalam pelbagai bentuk aliran yang menyeleweng yang bertentangan dengan undang-undang, peraturan serta norma masyarakat perlu disekat. Jika kecenderungan ini tidak dibanteras, atau ditangani dengan bijak, dikhuatiri ia akan memecahbelahkan perpaduan rakyat dan integriti negara.

Oleh itu, dalam kemeriahan kita menyambut hari kemerdekaan negara kali ini dengan percikan bunga api dan perarakan mega di Dataran Merdeka, setiap hati dan jiwa warga Malaysia perlu disemai dengan semangat perpaduan dengan menghormati prinsip integriti, akauntabiliti, keadilan, serta kesatuan dalam kepelbagaian. Cinta kepada Malaysia perlu dibuktikan secara zahir batin bukan sekadar dengan kibaran ‘Jalur Gemilang’ (bendera negara) di rumah atau pejabat semata-mata. Terjemahkan cinta itu dalam setiap perlakuan, pertuturan dan pemikiran kita.

Dirgahayu Malaysia!

Zubayry Abady Sofian

MASKOT INTEGRITI, SAM BERSAMA -SAMA MERIAHKAN 'FAMILY INTEGRITI WALK'



Oleh Nelly Mansin

Memahami kesibukan warga kota, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah menganjurkan satu program istimewa, 'Family INTEGRITI Walk' bersempena dengan sambutan Karnival Sihat Selangor 2016 pada 14 Ogos lalu di Ampang Jaya. Lokasi utamanya ialah di Kompleks Muhibah, Taman Nirwana.

Sejak jam 6.30 pagi, kompleks berkenaan sudah mula dibanjiri dengan ramai peserta yang hadir bersama dengan anggota keluarga masing-masing untuk menyertai acara pertama pada pagi itu iaitu senamrobik. Menariknya, senamrobik

pada pagi itu turut dimeriahkan dengan kemunculan maskot INTEGRITI bernama SAM, yang nyata berjaya menarik perhatian orang ramai khususnya anak kecil.

Ujar Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusal Yusoff, kehadiran SAM, singkatan kepada 'Saya Anak Malaysia' dalam program ini merupakan perkenalan awalnya dengan masyarakat khususnya kanak-kanak. Ia bakal digunakan di tadika-tadika sebagai sebahagian daripada Modul Integriti Prasekolah (MIPS) yang mengetengahkan corak pembelajaran bersifat interaktif dan menyeronokkan.

Salah seorang peniaga bangga meletakkan pelekat INTEGRITI di premisnya



Aktiviti jalan kaki dan berbasikal yang menjadi acara utama program ini bermula sekitar jam 8 pagi dengan garisan



SAM turut serta bersenamrobik di atas pentas



permulaan dan penamat ialah di Kompleks Muhibah. Ia dibuka bukan sahaja khusus buat keluarga, tetapi juga kepada individu perseorangan sehingga menjadikan jumlah penyertaan untuk kedua-dua aktiviti mencecah 800 orang. Semua peserta ini terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat berbilang bangsa dan generasi.

Selain kedua-dua acara tersebut, INTEGRITI turut mengadakan pertandingan 'Keluarga Ceria'. Dalam pertandingan ini, setiap keluarga dinilai berdasarkan kepada pelbagai aspek seperti keceriaan, kreativiti dan kerjasama.

Sepanjang 'Family INTEGRITI Walk' berlangsung, orang ramai yang hadir berpeluang mengunjungi pameran kesihatan daripada pelbagai agensi di samping mendengar taklimat kesihatan daripada pegawai yang bertugas. Sementara itu, para penjaja di Pasar Muhibah pula menerima buah tangan berbentuk pelek INTEGRITI untuk ditampal di premis masing-masing.

Suasana sekitar program



Turut hadir, sekali gus merasmikan program berkenaan ialah YB Dr. Daroyah Alwi, Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor.

Walaupun diadakan selama separuh hari, 'Family INTEGRITI Walk' dilihat berjaya memberikan ruang dan kesempatan kepada semua ahli keluarga untuk menikmati masa yang berkualiti bersama-sama. Selain itu, ia turut mendidik golongan peniaga dan masyarakat agar sentiasa meletakkan integriti di hati.



INTEGRITI BELIA PENTING MENCORAKKAN LANDSKAP KEPIMPINAN NEGARA MASA HADAPAN

Oleh Hj. Hamilye Sham Harun

Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara. Justeru, adalah penting untuk menyemai dan membudayakan integriti dalam kalangan remaja dan belia masa kerana merekalah penyambung warisan kepimpinan dan kecemerlangan negara di masa akan datang

Sehubungan itu, sempena Hari Belia Antarabangsa yang diraikan pada 12 Ogos setiap tahun, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah menganjurkan *breakfast talk* bertajuk “Integriti Belia: Peranan dan Cabaran Dalam Merealisasikan Hala Tuju Agenda Pelan Integriti Nasional (PIN)” pada 22 Ogos. Pembicara utamanya ialah Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Hj. Mua’amar Ghadafi Jamal Datuk Wira Jamaluddin, sementara dua panel lain ialah Felo Perdana kepada Menteri Belia dan Sukan, Puan Norshafiqah Zairina S Zamzaini dan Ahli Parlimen Belia di Parlimen, Cik Norzulaiqha Zulkiffi.

Menurut Hj. Mua’amar Ghadafi Jamal, golongan belia perlu bersedia dan memperlengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran, khususnya yang berkaitan dengan pembangunan modal insan yang berintegriti di samping mengimarahkan pelbagai program serta aktiviti integriti demi menjayakan hala tuju agenda PIN.

Pada masa yang sama, beliau turut menyeru belia supaya bersedia menghadapi apa jua bentuk cabaran alaf baru tanpa mengabaikan nilai-nilai integriti. Persediaan ini meliputi pelbagai aspek seperti mental, emosi, fizikal, rohani, moral dan sosial. Ujarnya lagi, persediaan yang jitu membolehkan golongan muda mencapai kejayaan pada masa hadapan dengan cemerlang.

Namun, untuk mencapainya, belia yang mewakili 45 peratus daripada jumlah rakyat negara ini hendaklah bersatu sama ada

dari aspek pemikiran, kepimpinan, hala tuju perjuangan dan matlamat. Justeru, beliau menggalakkan generasi muda agar menyertai pertubuhan dan persatuan.

“Belia yang bersatu padu seperti inilah yang dimajukan oleh negara untuk mengharungi ranjau yang tidak tergambar untuk alaf baru dan merealisasikan hala tuju agenda PIN,” katanya.

Sementara itu, Puan Norshafiqah Zairina berkata, belia harus menggarap kecemerlangan ilmu dan penyelidikan kerana kedua-duanya mampu membawa masyarakat ke arah kehidupan yang lebih sempurna dan cemerlang, sekali gus memeta kepada agenda PIN. Oleh itu, adalah penting bagi belia mengenal pasti peranan dan sumbangan mereka ke arah pembangunan ilmu dan modal insan dalam menangani isi dan cabaran integriti.

Hal ini turut dipersetujui oleh Cik Norzulaiqha. Ujarnya, “Rasulullah saw telah menekankan di dalam hadis bahawa sekiranya kita inginkan akhirat, hendaklah dengan ilmu, jika kita inginkan dunia, hendaklah juga dengan ilmu, dan jika kita inginkan kedua-duanya, hendaklah juga dengan ilmu.”

Sebagai generasi pewaris negara, belia perlu menjadi ‘rakan kongsi’ kerajaan yang berintegriti tinggi agar agenda PIN dapat dilaksanakan dengan jayanya. Oleh itu, adalah penting untuk golongan ini memiliki jati diri, positif dan yakin dengan keupayaan serta kebolehan dalam memberikan sumbangan kepada negara.

Pada masa yang sama, sistem kokurikulum di sekolah perlu diperluaskan dengan cara memanfaatkan masyarakat sivil melalui penglibatan mereka dalam program kokurikulum. Selain itu, mekanisme pengurusan pertubuhan belia perlu memikirkan budaya kerja yang lebih telus dan profesional.



Hj. Mua’amar Ghadafi Jamal
Datuk Wira Jamaluddin



Puan Norshafiqah Zairina S
Zamzaini



Cik Norzulaiqha Zulkiffi

PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PRASEKOLAH

Oleh Anuar Hj. Ahmad

Menyedari bahawa melentur buluh wajar bermula daripada rebungnya, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah mengambil inisiatif mengadakan perbincangan meja bulat (RTD) bagi membincangkan tajuk 'Strategi Bagi Menerapkan Nilai Integriti Dalam Kalangan Kanak-kanak Di Peringkat Prasekolah' pada 17 Ogos lalu. Ia merupakan susulan kepada makmal penyediaan Modul Prasekolah (MIPS) yang dijalankan oleh INTEGRITI.

RTD ini menampilkan tiga orang ahli panel iaitu Setiausaha Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PERMATA), Jabatan Perdana Menteri, Datuk Saidatu Akhma Hassan; Pengarah Eksekutif Smart Reader Kids Sdn Bhd, En. Kevan Ong Kin Wye; dan Pengarah Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Cik Anisah Saidin. Ia turut dihadiri oleh 18 orang pakar pendidikan kanak-kanak daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Keluarga dan Kanak-kanak di Universiti Putera Malaysia (UPM) serta penyedia pusat asuhan dan bimbingan kanak-kanak swasta.

Usaha menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan kanak-kanak di peringkat prasekolah adalah sejajar dengan objektif utama Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Justeru, Datuk Saidatu Akhma berkata, modul PERMATA yang mula dilaksanakan pada tahun 2009 telah diperhalusi oleh pakar-pakar pendidikan prasekolah terlebih dahulu. Ini penting bagi mengimbangkan pendidikan sahsiah, personaliti, perkembangan minda, kemahiran membaca dan mengira serta semangat patriotisme

dalam diri kanak-kanak.

Keperluan menyemai elemen-elemen integriti turut dilihat sebagai suatu keutamaan oleh En. Kevan. Oleh itu, beliau yang memiliki lebih daripada 100 cawangan tadika termasuk di Australia memberitahu bahawa kurikulum yang dilaksanakan di semua tadikanya tidak ketinggalan menyuntik pelbagai konsep nilai murni dalam kalangan anak kecil. Ini termasuklah menitikberatkan aspek budaya dan adat resam serta adab apabila berhadapan dengan individu yang lebih dewasa.

Sementara itu, Cik Anisah berkata, bilangan tadika KEMAS yang mula beroperasi sejak tahun 1971 kini sudah pun mencecah kepada 11,180 dengan jumlah pelajar pula adalah seramai 221,069, manakala taska KEMAS pula berjumlah 9,255.

"Kurikulum yang dilaksanakan oleh KEMAS menitikberatkan perkembangan SEFIR bagi melahirkan kanak-kanak yang mempunyai perkembangan minda yang seimbang dan bersepadu. SEFIR ini adalah merujuk kepada sosial, emosi, fizikal, intelek dan rohani," jelas Cik Anisah.

Hasil daripada RTD berkenaan mendapati bahawa kurikulum yang sedia ada dan diguna pakai oleh tadika-tadika dan taska-taska jelas menjadikan nilai-nilai murni dan integriti sebagai suatu keutamaan dalam mendidik 4 juta orang kanak-kanak di negara ini. Bagaimanapun, didikan paling utama sudah tentu terletak pada bahu ibu bapa.



Suasana sekitar perbincangan meja bulat



GRADUATES OF THE FIRST GLOBAL INTEGRITY LEADERSHIP COURSE RECEIVE THEIR CERTIFICATES

By Rajasegari Krishnan

26 graduates of the inaugural Global Integrity Leadership Course (GILC) 2016 were presented with their certificates in a graduation ceremony held at the Malaysian Institute of Integrity (INTEGRITI) on August 5, 2016.

Datuk Paul Low Seng Kuan, Minister in the Prime Minister's Department and Dr. Anis Yusal Yusoff, President and Chief Executive Officer of INTEGRITI were on hand to congratulate the graduates and present them with the certificates.

In his speech, Datuk Paul Low said that the GILC will be an excellent course that complements the existing Certified Integrity Officer (CeIO) series currently conducted by the Malaysian Anti-Corruption Academy (MACA).

"With these courses conducted annually, I am confident that we will be able to engage and empower more officials in the civil service and corporate sectors," he said.

A graduate of the GILC 2016, Shuhairoz Mohamed Shukeri commented that the programme was one of a kind in Malaysia,

which was able to provide participants with insights and a deeper understanding on Integrity.

"I am blessed to be given the opportunity to participate in the inaugural course, which was indeed an eye opener to the real definition of integrity and its practice. As a CeIO, I totally enjoyed the GILC. Even though I do have the basic knowledge on integrity, the course provided a platform for sharing of experience and methods on how to further enhance integrity and to engage others. Professing is not enough, what matters is how you lead integrity into ACTION," she said.

Dr. Anis Yusal took the opportunity to congratulate all the participants for successfully completing the two-week long course and hoped that the knowledge and skills acquired in the GILC will be put into practice in their respective organisations.

The GILC 2016 was jointly organised by INTEGRITI, Institute of Malaysian and International Studies (IKMAS) of the National University of Malaysia (UKM) and Integrity Action. The two-week long course was held beginning July 23 to August 5 2016 at INTEGRITI.

GOVERNANCE SYMPOSIUM 2016: DRIVING PUBLIC-PRIVATE GOVERNANCE FORWARD

By Mohd Ismail Abdul Jalil

Good laws and good corporate governance helps a country to move forward and develops its economy. In its effort to effect good governance practices, Malaysian Institute of Corporate Governance (MICG) in collaboration with the Malaysian Institute of Accountants (MIA) have organized a Governance Symposium with the theme, Driving Public-Private Governance Forward on 18 August 2016 at Connexion Conference and Events Centre in Bangsar South, Kuala Lumpur. Invited to officiate the event and subsequently deliver the keynote address to the audience was no other than Minister at the Prime Minister's Department, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan who oversees matters related to governance and integrity.

The goal of the Symposium was to gather experts in the field of governance from the public and the private sectors in order to share their views, knowledge and experiences on areas such as managing risk and strategy for good governance, legislation related to governance and governance practices for sustainable performance. Mohd Ismail Abdul Jalil who is the Director cum Coordinator of the Economic Institution represented INTEGRITI on the topic of discussion focusing on Integrity and Corporate Liability Bill.

The moderator of the forum on Integrity and Corporate Liability Bill was Professor Arfah Salleh. The other two panellists were Dr Mark Lovatt, Chief Executive Officer of Trident Integrity Solutions Sdn Bhd and Mr Lee Min On, Director of Coalition for Business Integrity Berhad. Dr Mark Lovatt spent some time talking about "adequate



measures" which companies should be implementing to ensure that they have protected themselves against the impact of corruption. Mr Lee Min On touched on the roles of both the external and the internal auditors in providing assurance to those charged with governance insofar as the Bill is concerned. He also addressed corporate governance practices of public listed companies in Malaysia, particularly with respect to the proposed changes in the draft of the Malaysian Code on Corporate Governance 2016 on ethics and integrity.

Mohd Ismail then contributed that the government can use the Corporate Liability Bill, which is expected to be introduced sometime this year to encourage reforms to internal corporate compliance measures that could help prevent and detect the crimes engaged in by the employees in the corporate world. This could also prompt shareholders who seek financial returns from their investments in listed and unlisted companies to ensure that they only invested in ethically-run enterprises. It would be interesting to see what kind of impact the legislation would bring once it is implemented. Furthermore, since the use of elaborate financial frameworks

and accounting techniques to conceal illegal transactions is quite common these days, law enforcement agents will need to have adequate capacity and capability to combat the criminals.

Apparently, the Corporate Liability Bill will go hand in hand with the proposed ISO 37001 – an anti-bribery management system standard, designed to help organization establish, maintain and improve anti-bribery compliance programme. It includes a series of measures and controls that represent global anti-corruption good practices.

Wrapping up, it is hoped that the Corporate Liability Legislation will encourage more self-reporting of bribery by corporations, as has been the case in the United States after the implementation of the Foreign Corrupt Practices Act (FCPA), 1977. Furthermore, it is also believed that the solution lies not just in conducting more trainings, better employees' incentives or salary increment. It also involves selecting the right people, placing them in the right jobs and creating a work culture that has zero tolerance for breaches of integrity and ethical behaviour.

DELEGASI INTEGRITI ADAKAN KUNJUNGAN MUHIBAH KE PEJABAT KETUA PENGARAH KASTAM

Oleh Harisham Ibrahim



Bagi mengeratkan hubungan dan kerjasama yang baik antara dua organisasi, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Ketua Pengarah Kastam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Dato' Sri Khazali Hj. Ahmad di Putrajaya pada 8 Ogos lalu. Delegasi berkenaan diketuai oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusal Yusoff.

Dalam pertemuan tersebut, Dr. Anis menjelaskan kepada JKDM tentang pelbagai siri perbincangan yang berkaitan dengan bidang tugas jabatan berkenaan telah diadakan di INTEGRITI. Antaranya ialah perihal permulaan dan pasca pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang dilaksanakan oleh kerajaan sejak April 2015 yang lalu.

Selain itu, beliau turut memperkenalkan *Malaysian Integrity*

Profiling (MIP) sebagai instrumen yang boleh diguna pakai untuk menilai integriti kakitangan sesebuah organisasi. Tegas beliau lanjut, MIP amat sesuai dilaksanakan dalam kalangan kakitangan yang bertugas di bahagian yang berisiko serta terdedah kepada amalan rasuah.

Tertarik dengan MIP, Dato' Sri Khazali menyuarakan minat beliau terhadap instrumen tersebut, sekali gus berhasrat untuk melaksanakannya di JKDM. Tumpuan beliau adalah kepada semua kakitangan JKDM yang bertugas di barisan hadapan (*front line*) serta bahagian-bahagian lain yang difikirkan sesuai. Untuk itu, katanya, perbincangan lanjut akan diadakan antara Urusetia Integriti dan Bahagian Sumber Manusia JKDM.

Rentetan daripada kunjungan tersebut, INTEGRITI dan JKDM

telah mencapai kata sepakat untuk mengadakan kerjasama bagi menganjurkan program integriti yang akan melibatkan semua pemegang taruh JKDM. Ia bertujuan untuk meningkatkan kefahaman mereka terhadap tadbir urus yang baik serta etika dalam menguruskan perniagaan, terutamanya urusan yang melibatkan pembayaran cukai kepada kerajaan.

Meskipun berlangsung dalam masa yang singkat, kunjungan muhibah ini nyata amat penting dan bermakna bagi kedua-dua pihak dalam usaha untuk meningkatkan budaya integriti khususnya dalam kalangan penjawat awam. Justeru, adalah diharapkan agar kerjasama yang terjalin ini dapat membantu menyemai dan meningkatkan integriti warga JKDM, sekali gus memperkukuhkan keyakinan orang ramai terhadap mereka.

SIKAP HORMAT-MENGHORMATI MAMPU KEKAL KEAMANAN

Oleh Dr. Abdul Halim Abdullah
Disiarkan dalam Berita Harian, 3 Ogos 2016

Sejak akhir-akhir ini kita banyak didedahkan dengan cerita mengenai individu yang tidak menghormati individu lain. Bapa menengking guru di sekolah, rakyat mempersendakan pemimpin dan raja serta orang yang tidak berpuas hati dengan kejayaan dan kesenangan yang dimiliki orang lain.

Baru-baru ini, penulis menyaksikan seorang wanita menengking dan menghempas begnya apabila ditegur seorang pengawal keselamatan di pintu masuk sebuah pusat membeli-belah.

Pengawal keselamatan warga asing melarangnya membawa masuk begnya dan meminta beliau menyimpan di kaunter yang disediakan.

Apalah salah pengawal keselamatan itu yang menjalankan tanggungjawabnya. Adakah disebabkan beliau warga asing, boleh diperlakukan begitu?

Sikap hormat-menghormati adalah antara kunci kepada keamanan dan kebahagiaan dalam kehidupan kita di Malaysia yang berbilang kaum.

Tanpa kunci ini, kita akan hidup dalam amarah, tiada pertimbangan dan bermusuhan. Hal ini bertentangan dengan prinsip Rukun Negara yang kelima iaitu kesopanan dan kesusilaan.

Sopan santun dalam hubungan penting

Sifat individu yang bersopan santun dan bersusila adalah paling penting dalam konteks perhubungan antara satu sama lain dalam masyarakat berbilang

kaum di negara ini.

Hormati kepercayaan, adat dan budaya pelbagai kaum di negara ini. Sikap saling menghormati adalah nilai paling asas yang perlu ada dalam diri kita sebagai manusia.

Sebagai manusia, kita perlu menghormati manusia lain dan berhak untuk dihormati orang lain. Sedangkan binatang mempunyai perasaan, apatah lagi manusia yang dikurniakan akal dan fikiran.

Sikap hormat-menghormati seharusnya dilaksanakan tanpa mengenal pangkat dan kedudukan. Pemimpin seharusnya menghormati rakyat, malah rakyat juga perlu menghormati pemimpin.

Baru-baru ini, ketika insiden helikopter terhempas di Sebuyau, Serawak yang mengorbankan lima orang termasuk pemimpin rakyat, penulis sedih dengan kata-kata negatif dilemparkan netizen di laman sosial.

Dalam keadaan genting sebegitu, ideologi politik seharusnya diketepikan. Hormati keluarga dan saudara-mara mangsa yang mengharap yang terbaik untuk orang tersayang.

Sikap menghormati tidak seharusnya terbatas mengikut peringkat umur. Tidak dinafikan orang muda perlu menghormati yang lebih tua. Bagaimanapun, orang tua juga perlu menghormati orang muda.

Sikap menghormati pastinya boleh dipupuk melalui teladan. Jika orang dewasa atau ibu bapa menunjukkan sikap menghormati dari aspek perkataan dan

perbuatan, ia akan memberikan inspirasi kepada anak untuk mencontohinya.

Begitu juga sebaliknya sekiranya kanak-kanak berada di persekitaran yang tidak menyokong ke arah pembentukan sikap menghormati.

Amal sikap menghormati di mana sahaja

Sikap menghormati juga seharusnya diamalkan di mana sahaja. Di tempat bekerja, di pejabat, majikan harus menghormati anak buahnya yang selama ini menyokong kerjaya seseorang majikan.

Jangan disebabkan seseorang itu berpangkat lebih tinggi, dia hilang terus rasa hormat terhadap orang di bawah mereka.

Begitu juga dengan pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan yang mungkin dari aspek tahap kerjaya jauh lebih rendah, tetapi ingat merekalah yang menjaga keselamatan tempat kerja kita dan menjaga kebersihan persekitaran tempat kita mencari rezeki.

Begitu juga di jalan raya. Hormati peraturan jalan raya, lampu isyarat, hormati pejalan kaki, hormati polis trafik mengawal lalu lintas bagi memudahkan perjalanan, hormati kerja ahli keselamatan seperti pemandu ambulans yang menggunakan lorong kecemasan untuk menyelamatkan mangsa kemalangan dan sebagainya.

Jangan pentingkan diri. Ingat, sekiranya kita mahu orang lain menghormati kita, kita terlebih dahulu perlu menghormati orang lain.

* Penulis ialah Pensyarah di Fakulti Pendidikan, Universiti

Teknologi Malaysia

MANTAPKAN IMEJ PERKHIDMATAN AWAM

Oleh Anuar Hj. Ahmad, Penyelaras Institusi Pentadbiran INTEGRITI
Disiarkan dalam Utusan Online, 10 Ogos 2016

Bagi membincangkan strategi bagi mempertingkatkan imej korporat perkhidmatan awam di Malaysia, satu sesi Perbincangan Meja Bulat (RTD) diadakan baru-baru ini dengan membariskan enam pembincang utama.

Mereka ialah Pengerusi Telekom Malaysia, Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob; Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Tan Sri Dr. Ibrahim Saad; Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), Datuk Jalil Marzuki; Timbalan Pengarah Kanan Institut Tadbiran Awam Negara, Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan; Pengarah Sektor Audit Negeri-negeri, Jabatan Audit Negara, Datuk Che Isa Che Kob; dan Ketua Pegawai Eksekutif *Razak School of Government (RSOG)*, Prof. Dr. Hamidin Abdul Hamid.

Semua ahli panel iaitu golongan birokrat berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran awam bersetuju dengan pencapaian indeks integriti dan tadbir urus sama ada di peringkat nasional atau di peringkat antarabangsa, kecuali bagi Indeks Persepsi Rasuah Antarabangsa yang dikeluarkan oleh *Transparencies International* di mana kita berada pada paras *average* iaitu pada kedudukan 54/168.

Bagi *World Bank Ease of Doing Business Index 2015*, Malaysia pada kedudukan 18/189, satu pencapaian yang baik meskipun tidak sebaik negara jiran Singapura yang berada di tangga pertama dunia atau Hong Kong yang berada di tangga kelima.

Kajian juga menunjukkan Hong Kong adalah satu-satunya negara yang mempunyai sistem perkhidmatan awam yang amat cekap dan diiktiraf seantero dunia. Bagi pencapaian negara dalam *World Economic Forum (WEF) Competitiveness Index 2015-2016* iaitu badan penarafan ekonomi yang berpangkalan di Geneva, Malaysia berjaya mencapai tangga 18/140 dengan skor 5.23/10, iaitu satu anak tangga di belakang UAE yang berada di kedudukan ke-17. Keseluruhannya, lima negara Asia lain juga mendahului Malaysia dalam penarafan ini iaitu Singapura di tangga kedua, Jepun di tangga keenam, Hong Kong di tangga ketujuh, Qatar di tangga ke-14 dan Taiwan di tangga ke-15.

Meskipun pencapaian indeks kecekapan perkhidmatan awam kita berada pada tahap memberangsangkan, kesemua ahli panel bersetuju bahawa persepsi buruk masyarakat terhadap perkhidmatan awam adalah kerana kecenderungan pihak media memaparkan berita-berita negatif mengenai kegagalan kerajaan dan juga isu membabitkan integriti anggota perkhidmatan awam seperti penglibatan dalam kes-kes rasuah yang sering disensasikan bagi melariskan jualan akhbar-akhbar berkenaan.

Justeru Unit Komunikasi Korporat di semua kementerian perlu menangani soal pengurusan persepsi ini secara cekap dan berkesan. Di

samping itu, sebanyak 746 Unit Integriti telah ditubuhkan di kementerian, jabatan dan agensi sepanjang 2013 hingga 2014 bagi memastikan bahawa sistem penyampaian perkhidmatan awam sentiasa bebas rasuah dan disampaikan secara efektif pada setiap masa.

Kegagalan pihak berkuasa tempatan (PBT) menangani isu kemudahan asas dengan cemerlang antaranya isu sampah, longkang dan rumput (SLR) turut menjadi penyebab imej perkhidmatan awam turut tercalar. Masyarakat melihat perkhidmatan asas yang disediakan oleh PBT sebagai peranan utama kerajaan dan sebarang kecuai dalam memberikan perkhidmatan berkenaan akan menjejaskan nama baik dan imej kerajaan secara keseluruhannya.

Justeru penting agar setiap isu atau ketidakpuasan hati masyarakat yang dibangkitkan oleh media ditangani segera dan penjelasan diberikan dalam tempoh 24 jam oleh Unit Komunikasi Korporat yang ditubuhkan di setiap kementerian.

Dr. Ibrahim yang juga bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang (1990-1995) dan pernah berkhidmat sebagai Duta Besar Malaysia ke Filipina pada 2010 menyatakan Malaysia mempunyai sistem pengurusan yang cekap berbanding negara lain di rantau ini terutamanya Filipina.

Berdasarkan pengalamannya bertugas di sana, untuk memohon pasport antarabangsa di Filipina, seseorang pemohon itu perlu menunggu selama tiga bulan dan pendaftaran kenderaan pula memakan masa enam bulan berbanding di negara kita yang boleh dibuat dalam masa sehari sahaja.

Apa yang perlu dimantapkan lagi menurut beliau adalah ketegasan kerajaan menangani isu-isu keselamatan terutamanya berkaitan jenayah. Beliau mengambil contoh langkah berani Presiden Filipina, Rodrigo Duterte, yang baru mengambil alih tampuk pemerintahan pada 30 Jun lalu, dalam menangani isu penagih dan pengedar dadah di negara berkenaan.

Duterte mengeluarkan *decree* agar pengedar dan penagih ditembak mati dan selepas 54 orang maut ditembak, lebih 17,000 penagih dan pengedar berpusu-pusu ke balai polis untuk menyerah diri. Tindakan drastik ini menaikkan imej beliau sebagai pemimpin yang tegas meskipun berhadapan protes oleh aktivis hak asasi manusia.

Keseluruhannya, pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh kerajaan bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Mudah-mudahan dengan adanya usaha bersepadu, inklusif dan holistik, imej perkhidmatan awam kita akan sentiasa cemerlang dan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

RESPECT IS APPRECIATION FOR OTHERS' MORALITY, HUMANITY

By Datuk Steven Wong, Deputy Chief Executive of the Institute of Strategic and International Studies (Isis) Malaysia
Published in The Star Online, 10 August 2016

Of all the things that bind a nation together, perhaps none is more fundamental than respect. Yet, respect is much used and abused word.

Like other terms - patriotism, tolerance and good governance spring to mind - words can be manipulated to suit particular interests and circumstances as to lose their meanings. Little surprise that we shout at each other more than we speak, our words convey so little actual content.

We are told to show respect for those in authority. The morality of actions or otherwise does not seem to matter a whit. It is illegal to show the slightest hint of disrespect. We just have to grin and bear it.

Woe betide the lesser being who, perhaps out of a sense of utter frustration or a lack of judgment, lashes out with an ill-advised phrase or sentence at the wrong time. Penalties can include a sentence in a prison cell. But there are privilege ones who are allowed to show not only disrespect but contempt for others and get away with it.

In the name of defending a community's dignity and pride, they are permitted to threaten violence and hurl invectives, completely without sanction. The irony of their actions is lost on them.

There is something to be said for the fact that there must be respect for the institution or the office. Respect for another Malaysian is not just earned, it is cultivated. Certainly, it is cultivated through appreciation of contributions, dedication and efforts. But respect is also appreciation of their inherent morality, integrity and humanity.

Of course, no person or community is without blemish and it is important not to adopt a highly romanticised and jaundiced view. The best role models are still subject to human foibles and it is best that these be recognised rather than whispered in the shadows. At the end of the day, respect is the result of the appreciation of contributions and character.

In our egotistical rush to get ahead, we seem to have willingly and mistakenly, swapped wealth and the edifices of power for rock-solid achievements and rock-solid values and beliefs. In Malaysia, at least three things hold us back from cultivating respect.

The first is skewed perspective on history. The exploits of what may well turn out to be mythical figures are extolled in books, while Malaysians who have exercised more leadership and integrity through turbulent times are hardly included. The second is a really skewed perspective of culture. The

reality is that communities of different cultures do co-exist in more or less peaceful melting pot circumstances. The cultural narrative, however, is far different, being derived from dominant and with scant attention given to others. The third is a really skewed perspective on politics. Identity politics is alive and well in many places but in few places differences are turned into cleavages and fractures with state-supported relish.

We are told that this is a necessary given and to be unquestioning about the matter. From these, we have built a house of cards, a nation founded on achieving an arbitrary per capita income level, but without the moral integrity and humanity to go with it. We may have highly capable and wealthy individuals but with all the character of tiny goblins.

Suppressing facts, denying justice, stifling voices of protest and adopting token corrective measures while continuing to perpetuate illegitimate actions may be convenient ways of dealing with short-term fallout. Rest assured, however, the dissent does not disappear.

The year we celebrate an independence that is one year short of 60. We cannot turn the clock back and undo past wrongs. We can, however, undo present wrongs and set a course for the future but only with capable Malaysians of integrity board.



A National Integrity System

A National Integrity System is needed to provide the overarching framework that would be useful reference by all sundry. It could also be made workable by introducing some key elements and corresponding instruments that measure the progress, or lack of, in the integrity agenda framing and monitoring.

For queries and purchase, kindly contact Pusat Ilmu INTEGRITI at 03-6209 2038 (Wan Kamaliah Wan Dagang) or 03-6209 2039 (Mohd Fadzly Mohd Poed) or email think@integriti.my



POLITICAL PARTIES, BUSINESS GROUPS, AND CORRUPTION IN DEVELOPING COUNTRIES


Publisher: Oxford University Press

Published: 2011

Editor: Vineeta Yadav

Political corruption is one of the globe's most pressing yet seemingly permanent problems. It is a root cause of low growth and inequality, and plagues numerous nations throughout the world in varying degrees. In *Political Parties, Business Groups, and Corruption in Developing Countries*, Vineeta Yadav tackles the puzzle of corruption by analysing the role that business lobbying plays in it. She shows that the structure of a developing nation's legislative institutions frequently determines whether such institutions promote or restrain corruption.

Combining focused studies of legislative institutions and business groups in India and Brazil with a broader survey of corruption in sixty-four developing democracies, Yadav shows how systems with powerful parties rather than ones with powerful individual legislators encourage the most corruption. A rigorous comparative examination of the connections between political institutions, lobbying, and corruption, this work will reshape our understanding of how developing country democracies can both discourage and encourage bribery, vote buying, and influence peddling




HONEST GOVERNMENT: AN ETHICS GUIDE FOR PUBLIC SERVICE

Publisher: Aryan Books International

Published 1992

Writers: W. J. Michael Cody and Richardson R. Lynn



Americans deserve honest government. This text addresses the need for a comprehensive statement of ethical behavior for public officials and employees at every level of government. Recognizing the need for legal reforms that focus mainly on campaign contributions, the authors examine the broader question of how we should measure the routine, day-to-day ethics of men and women in public service. By focussing more on attitudes and practices, the authors suggest that the highest standard of both ethics and competence should be demanded of all our public servants. The book identifies situations in which officials ought to act cautiously and presents the ethical rules that should be applied to each situation.

The text presents a philosophy of public service and then moves to particular situations to which this philosophy must be applied: campaign finance; the campaign itself; behavior of elected officials, appointed officials, and public employees; the role of lobbyists; compensation for public servants; moving to and from the public and private sectors; ethical guidelines for lawyers and judges; the private lives of public servants; and enforcement of ethics. The final chapter discusses the sometimes competing forces of ethics and competency. Ethical guidelines are gathered in the appendix and serve as a useful starting point for ethics in any public service setting. The combination of persuasive and thought-provoking proposals for governmental ethics reform along with practical guidelines on how to maintain the highest possible standards of ethical conduct makes this an important text for students in ethics and government courses, as well as an imperative reading for public officials, whether elected, appointed, or career.



LAWATAN

Sempena *Global Integrity Leadership Course* (GILC) 2016 yang berlangsung dua minggu di Menara Integriti, INTEGRITI telah membawa para peserta melawat Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM) (gambar kanan) dan Bank Negara Malaysia (BNM) (gambar kiri) pada 4 Ogos 2016 lalu.



KURSUS

Pada 11 Ogos 2016 yang lalu, telah berlangsung kursus Latihan Integriti Untuk CIDB. Ceramah yang bertajuk '*Enhancing Business Ethics and Corporate Governance*' telah disampaikan oleh Pengarah dan Penyelaras Institusi Ekonomi, INTEGRITI



BENGKEL

Lanjutan daripada Bengkel Modul Integriti Pra Sekolah (MIPS) pertama yang berlangsung pada bulan lalu, INTEGRITI telah menganjurkan bengkel kedua pada 8 hingga 10 Ogos lalu bagi membincangkan dengan lebih mendalam tentang modul MIPS.

LAWATAN

Pada 8 Ogos lalu, INTEGRITI telah dikunjungi oleh Pegawai-Pegawai Kadet Graduan yang sedang mengikuti Kursus Kelayakan Pegawai Graduan (KKPG) cawangan Kejuruteraan dan Bekalan, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).





www.integrity.my

